

Bina keluarga bahagia

ASAS kebahagiaan akan dicapai apabila pasangan yang ingin dan sedang mendirikan rumah tangga menghayati dan mengikut landasan hukum syarak dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

Yang Dipertua Puspanita Kebangsaan, **Puan Sri Rohani Abdullah** berkata, sebuah yang terbina daripada perkahwinan yang didirikan dengan berteraskan ajaran Islam selain bermula dengan pemilihan pasangan terbaik dan berpengetahuan agama akan menjadi keluarga harmoni dan bersatu.

Sehubungan itu, beliau menyokong usaha Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan pihak berkuasa agama dalam memperkenalkan dan mengemas kini kursus pra-perkahwinan sebagai persediaan kepada bakal pengantin.

“Apabila semua pihak dalam keluarga menunaikan tanggungjawab dan menjalankan peranan masing-masing dengan baik, pastinya kebahagiaan dalam sesebuah keluarga akan dicapai.

“Oleh sebab itu, Allah menjadikan lelaki dan perempuan sebagai pasangan suami isteri agar mereka saling lengkap melengkapi antara satu sama lain kerana masing-masing mempunyai kekuatan tersendiri,” kata Rohani dalam ucapan perasmian Seminar Rumahku, Syurga anjuran Puspanita Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha; Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi), Datuk Che Mat Che Ali dan Pengerusi Puspanita Jakim, Datin Rohani Mohamad.

Dalam pada itu, Rohani berkata bahawa tugas mendidik anak-anak pada hari ini amat mencabar kerana ibu bapa mempunyai keterbatasan masa, namun ia boleh diatasi jika semua pihak memainkan peranan.

“Bagi memperoleh kebahagiaan dalam sesebuah institusi kekeluargaan, peranan anak-anak juga tidak dapat dipisahkan



SEMINAR Rumahku Syurgaku anjuran Puspanita Jakim bertujuan untuk memberi ilmu kepada orang ramai yang sedang mencari petua keharmonian rumah tangga, baru-baru ini.

kerana mereka turut menyumbang kepada keharmonian sesuatu rumah tangga.

“Kesimpulannya tugas dan tanggungjawab mencari, membina serta menjaga kebahagiaan keluarga bergantung pada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh semua pihak dalam sesuatu institusi rumah tangga,” kata Rohani.

Rohani mengusulkan kepada Jakim untuk menganjurkan program-program

berbentuk kekeluargaan dan ditumpukan kepada pasangan yang telah mendirikan rumah tangga.

“Untuk masa sekarang, kita ada kursus pra-perkahwinan yang diwajibkan kepada pasangan belum berumah tangga. Namun ketika masing-masing bergelar suami isteri, kadang-kala wujud masalah.

“Oleh demikian, sesuai pada masanya untuk kita mengadakan modul bagi pasangan yang telah berumah tangga,” jelas beliau.

Selain berlangsung dengan pengisian oleh tokoh agama, Muhamad Kazim Elias, seminar selama sehari itu turut diisi dengan ceramah oleh perunding motivasi, Mohamed Hanafiah Abdul Malek.

Pada sebelah petangnya, sebuah forum bertajuk *Limpahan Nur Kasih* yang menampilkan Pensyarah Universiti Putra Malaysia, Dr. Mohd. Sukki Othman; Mohd. Nooh Khadri dari Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Sabariah Salleh dari Jakim.